

ISSUE #63/12 JANUARI 2026

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



KERAMAT RUKUN 3 DEKAD

Siti Nurhaliza



Kerana Siti Nurhaliza Seorang, Seluruh Alam Dapat Manisnya

Hakikat yang perlu diperakui tentang Legacy 30 Siti Nurhaliza yang berlangsung gilang-gemilang di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur sebagai saksi nyata tiga dekad perjalanan seni biduanita negara adalah konsert itu sempurna di mata Sitioners.

Tiada pincang - baik dari segi vokal puspita hati yang cukup menikam jantung hati seperti dulu-dulu; persembahan Siti yang meledak tawa kecil saat beliau berdansa dengan gerakan sederhana tetapi 'sampai', atau; penyediaan pentas dari segi pencahayaan, LED serta impian Siti dengan beberapa kostum menyapa seluruh isi stadium dengan berdiri di atas kren terlaksana.

Semuanya tampak sempurna seperti direncana. Sementelah segmen-segmen persembahan yang dibahagi kepada Dekad 1, Dekad 2 dan Dekad 3 dengan satu-persatu tembang hit Siti baik dari zaman menjejak kaki ke industri seni tempatan sehingga mahsyur seantero Nusantara lalu membawa pulang pengiktirafan demi pengiktirafan menjadi bukti bahawa 30 tahun ini, Siti memang telah membina legasinya tersendiri.

Dibuka dengan lagu ikonik Purnama Merindu, Legacy 30 Siti Nurhaliza yang dibawa Cuckoo dengan Affin Bank sebagai penaja utama, turut menyampaikan tembang lain seperti Satu Cinta Dua Jiwa, Percayalah, Aku Cinta Padamu (sekadar menyebut beberapa judul)

Duet bersama Noh Salleh lewat Kau Mawarku dan Bagaikan Sakti yang punya 'vibe' mahal, juga tidak dilupa Hafiz Suip dan Umairah, sebelum ditutup manis dengan karya 'emas' Nirmala, kebanyakannya telah menerima gubahan baharu sentuhan magis pengarah muzik, Aubrey Suwito lalu disempurnakan kemas oleh para pemain termasuk dari Orkestra Simfoni Kebangsaan.



Legacy 30 Siti Nurhaliza telah berjaya memecah dopamin peminat. Bagi yang sudah lama tidak beriadah, malam itu berdedai-dedai tawaf stadium, Buat yang selalu berdendang dalam kereta dan bilik air, malam itu, semua rasa segan suara tidak merdu dilepaskan.

Kepada Sitizoners, inilah masanya membuktikan hanya dengan mendengar awal pembukaan muzik, tajuk lagu yang bakal didendangkan sudah dijangka dan macam-macam lagi episod berlapis yang berlaku pada konsert tersebut.

Paling penting, lebih 63,000 peminat teruja, bahagia dan pulang ke masa silam lewat lagu-lagi Siti yang kebanyakannya sudah dihafal bak mentera sejak zaman sekolah sehingga mampu menyaksikan ia dinyanyikan di depan mata. Mereka puas.

Pulang dengan segudang kenangan. Tidur bermimpikan senyum manis Siti. Dan semua tentang Legacy 30 Siti Nurhaliza akan menjadi yang terhebat buat sepanjang tahun ini.

Baik. Ini anekdot pentingnya. Ini kunci kepada judul artikel 'Kerana Siti Nurhaliza Seorang, Seluruh Alam Dapat Manisnya'.

Sejujurnya, buat penulis penganjuran konsert bukan lagi mekanisme untuk menentukan siapa Siti Nurhaliza, gadis kelahiran Kuala Lipis, Pahang yang kini namanya mahsyur seperti tokoh penting negara.

Sudah 30 tahun terbukti Siti Nurhaliza memang berbakat besar. Siti Nurhaliza memang layak menyandang gelaran penyanyi nombor satu negara. Siti Nurhaliza sesuai dijadikan idola kerana imej bersih dan keterlibatannya dalam kembali ke masyarakat menerusi banyak kerja amalnya.

Kita semua tahu itu. Fakta itu nyata dan sah. Tapi, melihat seorang Siti Nurhaliza menjadi jenama yang berjaya menarik perhatian peminat dari Indonesia, Singapura dan Brunei malah berbilang bangsa dan generasi untuk terus setia dan terus berkembang setiap hari sehingga terbentuk empayar yang semakin kukuh adalah sesuatu yang luar biasa.





Pada saat barangkali ramai yang kariernya redup kerana faktor usia dan kemunculan artis serta genre baharu, Siti kekal relevan dan memegang takhta.

Meski sudah puluhan konsert dilakukan, malah ada beberapa kali penganjuran dalam setahun, hanya seorang Siti mampu membuat keretapi sesak tak ada ampun.

Hanya seorang Siti mampu membuat pembelian busana atas talian huru-hara dengan permintaan tema berwarna silver.

Hanya seorang Siti boleh membuat isteri berani tidak masak makan malam untuk suami demi 'me time'. Hanya seorang Siti membuat peminat berani beri MC kepada bos kerana perlu berpergian ke ibu kota.

Hanya seorang Siti boleh membuat seni muzik Malaysia melahirkan kehairahan terhadap peminat Nusantara sekali gus mengiktiraf karyawan seni tempatan bukan 'jaguh kampung'. Bukan 'kaleng-kaleng'. Bukan 'cap ayam'.

Dan terakhir, hanya kerana Siti Nurhaliza seorang, seluruh alam mendapat manisnya. Ia bukan lagi tentang penganjuran konsert. Ia bukan lagi tentang suaranya dan lagunya.

Tetapi ia tentang bagaimana pengaruh seorang Siti Nurhaliza yang lahir dalam bidang hiburan, tanpa manifesto, tanpa janji kosong dan tanpa propaganda boleh menjadi elemen berkelas yang menyatukan kita semua. Buka mulut, menyanyi, nah begitu sahaja beliau memikat hati kita.

Hanya satu jika saya diizinkan untuk memberi buah pandangan kecil. Tanpa merendahkan penganjuran yang dilakukan penuh dedikasi, untuk 30 tahun atau tiga dekad menjadi karyawan seni, sudah tiba masanya persembahan yang dipanggil konsert oleh Siti mengalami evolusi.

Tidak salah juga ia menjadi sedikit bersifat peribadi kerana usianya 30 tahun. Paling penting, konsert yang disajikan memberi pengalaman baharu dan mampu dijadikan rujukan pada masa akan datang buat generasi muda.

Agar kita juga mengerti bahawa ia bukan hanya tentang menandai legasi tetapi membawa idea-idea baharu, kreativiti liar tetapi tetap tidak menenggelamkan identiti sendiri. - MALIAH SURIP



Arabella Ellen, ALPHA, Miki Ghazali, 6 Selebriti Yang Dijangka Breakthrough Tahun Ini

Breakthrough bermaksud satu penemuan penting, pencapaian cemerlang atau kejayaan besar yang diperolehi berkat kerja keras dalam apa juga lapangan mahupun bidang yang ditekuni.

Saat tahun baharu bermula, ramai yang memasang azam dan 2026 menyaksikan beberapa selebriti tempatan yang dilihat mula mengorak langkah lebih maju sekaligus dilihat bakal menjadi breakthru.

Siapa sahaja selebriti pilihan Gempak Weekly Edition (GWE) yang disifatkan mempunyai potensi cemerlang pada tahun ini? - MALIAH SURIP



Arabella Ellen

Lahir daripada pencarian bakat Dewi Remaja dengan dinobatkan sebagai naib juara pada edisi 2023, Arabella Ellen kini mula menghiasi kaca televisyen dengan kredibiliti lakonannya.

Berusia 20 tahun, pemilik nama sebenar Arabella Ellen binti Mohd Yahya @ John Robert Nelson yang merupakan bekas atlet gimnastik negara ini malah merupakan salah seorang calon bagi kategori Artis Baharu Wanita Popular dalam ABP 2025.

Selain terkenal menerusi lakonannya dalam Generasi Perfect 10 dan Hikayat Batu Belah Batu Bertangkup, Arabella memulakan kerjaya di tahun 2026 dengan bergaya apabila dipilih sebagai Duta Gen Z Jakel.



Kumpulan Alpha

Merajai Carta ERA 40 dengan lagu P.Ramlee Saloma pada penutup 2025 menjadi indikasi kumpulan ALPHA akan terus cemerlang di tahun 2026 dengan disiplin dan sikap konsisten terhadap kerjaya mereka.

Dianggotai oleh tujuh jejaka (Daniel, Izat, Rizal, Ariel, Ray-D, Araff, Afiq Sky) yang mempamerkan vokal, rap, dan tarian berkonsep K-Pop, ALPHA juga popular dengan lagu Mona Lisa (Bang Bang).

Kini ALPHA yang terbentuk selepas menyertai program realiti Big Stage Alpha juga memiliki program di televisyen iaitu Alpha Dreams Unlocked. Kehadiran Alpha juga dilihat bukan sekadar popular tetapi mempunyai impak positif dalam masyarakat apabila dipilih Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membawa lagu tema Belia Bebas Dadah untuk tahun 2026.

SETERUSNYA →

Zarif Ghaz

Diiktiraf sebagai Selebriti Newcomer Terhangat dalam Anugerah Melodi Terhangat 2025 dan tercalon dalam kategori Artis Baru Lelaki Popular di ABP ke-37 tahun lalu menjadikan nama Zarif Ghazzi sebagai salah seorang pelakon generasi kini yang perlu diberi perhatian.

Bakat lakonan mahasiswa ASWARA ini telah ditonjolkan dalam banyak drama termasuk Seribu Tahun, Khunsa dan Antara Dua Syurga.

Zarif, 21, membuka 2026 dengan sebuah lagi penglibatan dalam naskhah berprofil tinggi yang dijangka akan mengekalkan termometer panasnya dalam industri seni sepanjang tahun ini.



Kumpulan K.O.I

Muncul dengan identiti bertopeng, K.O.I membawa maksud Kami Orang Islam oleh empat individu muda yang menyampaikan mesej baik dalam lagu-lagu mereka.

Debut pada 2024, perlahan-lahan dikenali selepas lagu-lagu mereka memanjat carta muzik tempatan dengan perlahan tapi pasti. Antara karya K.O.I yang popular dan dikenali peminat muzik kini termasuklah Niskala Suaka, Tiwikarma dan Meta Dergama.




Miki Ghazali

Muhammad Mikail Ghazali bin Zulfikar atau nama komersialnya Miki Ghazali merupakan atlet muay thai yang menarik perhatian sukan tersebut dan khalayak umumnya selepas meraih pingat emas acara Muay Thai lelaki 57 kilogram (kg) di Sukan SEA Thailand 2025.

Baru berusia 16 tahun, Miki bukan hanya digilai peminat tempatan tetapi juga menarik perhatian peminat di negara Asia lain yang menyifatkan remaja ini memiliki karisma tersendiri.

Di media sosial, Miki menjadi antara atlet tempatan dengan pengikut yang ramai apabila diikuti lebih 100 ribu peminat.


Miki dijangka mengekalkan kehebatan sebagai atlet dengan pengalaman yang dikutip untuk sepanjang tahun ini.



Sandra Hanayu

Sandra Hanayu merupakan seorang konten creator memfokus terhadap isu kecantikan, kehidupan dan kembara seperti yang tercatat dalam bio di Instagramnya dengan lebih 21 ribu pengikut.

Di platform Tik Tok, wanita manis ini memiliki 9.7 likes dengan 209.1 pengikut. Dirinya dilihat sebagai antara pengengaruh alaf kini yang baik kerana sering berkongsi konten terutama memperkasa kaum wanita termasuk memberi tips berguna dan mesej positif dalam kehidupan.





Black Ops Lakar Sejarah, Filem Aksi Kolaborasi Malaysia–Hong Kong Bakal Gegar Pawagam Hujung Tahun Ini

Industri perfileman tempatan melakar sejarah baharu apabila produksi Malaysia berganding bahu dengan syarikat penerbitan tersohor Hong Kong menerusi filem aksi berskala besar berjudul Black Ops, yang dijangka menemui penonton di pawagam pada penghujung tahun 2026.

Filem terbitan bersama Skop Productions, Enotech, Komet Studios, Marvelous Culture & Film, Astro Shaw dan GSC itu turut melibatkan kerjasama One Cool Films milik bintang terkenal Hong Kong, Louis Koo, sekali gus menandakan kolaborasi pertama antara syarikat produksi Malaysia dan Hong Kong berkenaan.

Lebih mengujakan, Black Ops diarahkan oleh dua pengarah berkaliber tinggi iaitu Syafiq Yusof dari Malaysia dan Chui Tze Yui dari Hong Kong, menjadikan filem ini simbol hubungan kreatif sinema dua negara.

Sebagai projek bertaraf antarabangsa, Black Ops menghimpunkan barisan pelakon hebat dari Malaysia dan Hong Kong antaranya Sharnaaz Ahmad, Benjamin Yuen, Hisyam Hamid, Datuk Aaron Aziz, Andy Teh, Fauzi Nawawi, Elizabeth Tan, Anding Indrawani, MK K-Clique, Raja Afiq, Benjamin Tan, Ken Law (Super Ken), Sean Lin, Mathni Razak, Balan Kash, Ahirine Ahirudin, Azman Hassan serta pelakon kanak-kanak, Rania Amanda.





Pengarah: Kaouther Ben Hania

Pelakon: Saja Kilani, Motaz Malhees, Amer Hlehel, Clara Khoury

Genre: Dokumentari/Drama

29 Januari 2024. Sukarelawan Bulan Sabit Merah menerima satu panggilan kecemasan. Seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun terperangkap di dalam sebuah kereta yang sedang dihujani tembakan di Gaza, merayu untuk diselamatkan. Ketika cuba menenangkannya dan memastikan talian tidak terputus, mereka berusaha sedaya upaya menghantar ambulans ke lokasi tersebut. Namanya ialah Hind Rajab.



Pengarah: Ric Roman Waugh

Pelakon: Gerard Butler, Morena Baccarin, Roman Griffin Davis, Amber Rose Revah

Genre: Aksi/Thriller

Lima tahun selepas komet antara bintang Clarke memusnahkan sebahagian besar Bumi, keluarga Garrity terpaksa meninggalkan keselamatan kubu Greenland dan memulakan perjalanan berbahaya merentasi tanah terbiar di Eropah demi mencari tempat tinggal baharu.



Pengarah: Danial Rifki

Pelakon: Prilly Latuconsina, Bryan Domani, Humaira Jahra, Indian Akbar

Genre: Drama/Romantik

Alya dan Ben saling mencintai antara satu sama lain, namun ada tembok tinggi yang menjadi penghalang antara mereka, perbezaan yang tidak boleh dipaksa. Mampukah cinta bertahan di tengah-tengah perbezaan dan restu keluarga yang bertentangan?

Alif Muhaimin Naik 11kg Demi Muay Thai, Adam Lee Intai Peluang Filem Aksi!

Pertarungan antara Adam Lee dan Alif Muhaimin di pentas Fury Redemption menyaksikan aksi sengit apabila Alif muncul sebagai pemenang hasil persiapan fizikal dan mental yang lebih konsisten.

Berkongsi kepada Gempak Most Wanted, Alif memaklumkan persediaannya bermula dari Mei hingga Disember dengan fokus menaikkan berat badan sekitar 10 hingga 11 kilogram.

"Start bulan 5 sampai bulan 12. Alif kena naikkan berat sampai 10 atau 11 kg," katanya, sambil menjelaskan latihan Muay Thai yang dijalankannya banyak menekankan ketahanan terhadap kesakitan seperti knuckle push up.

Adam pula menjelaskan penyertaannya dalam kejohanan itu didorong oleh keinginan mencari peluang baharu dalam dunia lakonan aksi.





"Nervous dia lagi teruk daripada berlakon. Saya juga nak cari peluang. Kalau ada rezeki untuk berlakon filem aksi akan datang," katanya.

Mengulas isu 'roast' sebelum perlawanan, Adam mendedahkan konsep asal sebenarnya dirancang secara skrip. Namun kedua-dua pihak sepakat untuk tidak melakukan 'trash talk' demi menjaga nama baik.

Adam mengakui kemenangan Alif memang wajar kerana latihan Alif lebih konsisten, manakala latihannya sendiri terganggu akibat komitmen penggambaran.

Adam dalam pada itu menyeru golongan muda agar berhenti menjadi 'keyboard warrior' dan mengambil langkah sebenar jika benar-benar berminat dalam sukan tempur.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO. - AMRI HASSAN





Konsert Countdown KITA 2026 Cipta Sejarah, 143,000 Pengunjung Membanjiri IOI City Mall

Konsert Countdown KITA 2026 anjuran Astro dan IOI Properties berjaya melakar sejarah tersendiri selepas merekodkan kehadiran seramai 143,000 pengunjung di lokasi, iaitu empat kali ganda lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Kejayaan itu secara tidak langsung telah mengukuhkan acara berkenaan sebagai rancangan sambutan Tahun Baharu nombor satu di Malaysia pada 31 Disember 2025.

Acara dimulakan dengan Tirai Konsert KITA 2026 yang dikendalikan oleh Haziq Hussni dan Fiza Frizzy, menampilkan barisan bakat daripada program Astro Home of Live. Antara yang membuat persembahan ialah nama ikonik seperti Stacy dan Zahid daripada Akademi Fantasia, kegemaran semasa termasuk duo Liza Hanim dan Marsya daripada Talk To My Manager, serta penghibur legenda Mell Sakura dan Iskandar Ismail dari Gegar Vaganza 12.

Pentas turut diserikan oleh tiga finalis teratas Raise The Star Malaysia - Didie Shazry, Zuana dan Rayme - selain bintang Big Stage termasuk duo Korea Selatan Hoondoo dan sensasi nasional ALPHA, kumpulan tarian Hyperflex DC daripada Aattam, finalis Sing It Out Loud JunJun dan Zuvy Kong, serta persembahan bertenaga daripada kumpulan idola Malaysia KLP48, yang menyemarakkan suasana menjelang detik kira detik Tahun Baharu.

IOI City Mall kembali meriah apabila Konsert Countdown KITA 2026 berlangsung, menandakan sambutan tahun baharu yang penuh warna-warni. Dikendalikan oleh Nabil Ahmad, Yoon Ng dan Revathy Mariappan, malam itu meraikan semangat perpaduan dan kepelbagaian rakyat Malaysia melalui gabungan barisan penyanyi ternama, elemen hiburan serta persembahan muzik secara langsung yang meninggalkan kenangan manis.

Para penonton dihiburkan dengan persembahan memukau termasuk Haqiem Rusli, persembahan bertenaga Darkkey Nagaraja menerusi lagu Puli Puli dan lagu klasik kegemaran ramai Akkamage, serta persembahan dinamik oleh Faizal Tahir yang bergandingan bersama Nicole Lai dan Ruhan Ravindran dalam lagu Malaysia. Ikon rock legenda Alleycats, bersama barisan artis terkenal tanah air seperti Amir Masdi, Geraldine Gan, Nadeera, Hael Husaini dan Ratu Rock Ella, terus menyemarakkan suasana sehingga ke detik terakhir, meninggalkan kenangan yang hangat dalam hati semua yang hadir.

Tatkala jam tepat menunjukkan detik tengah malam, Nadeera menyentuh emosi penonton dengan lagu hit Golden, diikuti Amir Masdi dengan persembahan istimewanya dilengkapi dengan pertunjukan bunga api selama 10 minit yang memukau, menghiasi panorama Putrajaya. Ribuan pengunjung sama-sama menyaksikan detik magis ini, menyambut ketibaan tahun baharu dengan muzik, cahaya serta kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Rakaman penuh Konsert Countdown KITA 2026 boleh disaksikan secara On Demand di Astro GO dan sooka.



Lautan Manusia, Sikap Mesra PMX, Shila Amzah Menyanyi Tiga Bahasa Momen Menarik Sambutan Tahun Baharu Di Bukit Bintang

Sambutan tahun baharu 2026 menerusi Festival Countdown Visit Malaysia 2026 (VM2026) yang berlangsung di Pavilion Kuala Lumpur pada malam ambang Tahun Baharu disambut dengan begitu meriah oleh rakyat Malaysia.

Acara yang merupakan hasil kerjasama strategik antara The Fame Events, Pavilion Kuala Lumpur dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), ini berperanan sebagai acara pembuka tirai bagi menyemarakkan kempen Visit Malaysia 2026.

Gempak kongsi antara momen manis dan havoc yang berlaku sepanjang Festival Countdown Visit Malaysia 2026 berlangsung.

1. Suasana di Bukit Bintang pada malam itu dipenuhi ribuan manusia yang bersemangat untuk menyambut tahun baharu. Tidak hanya rakyat Malaysia, bahkan pengunjung dari luar negara juga memenuhi tempat tersebut untuk merakamkan detik bersejarah itu.

Momen paling menarik adalah apabila beberapa rakaman tular yang diambil dari atas yang dikongsi netizen jelas menampakkan ribuan manusia menutupi jalan berkenaan seolah-olah kelihatan seperti lautan.

2. Sebaik sahaja Perdana Menteri tiba, seluruh rakyat yang berada di lokasi sambutan tahun itu bersorak. Lebih manis lagi apabila beliau turut tersenyum manis apabila mendengar sorakan itu selain sempat bersapa dan bergambar bersama para peserta yang membuat persembahan menjadikan suasana semakin meriah sebelum kira detik berlangsung.

3. Memang wow! Shila Amzah telah memukau ribuan pengunjung yang hadir dengan menyampaikan lagu dalam tiga bahasa. Antara lagu nyanyian Shila adalah Run The World nyanyian asal penyanyi antarabangsa Beyonce, Memori Tercipta dan Tiao Lou Ji.

4. Apabila jam hampir mencecah 12 tengah malam, langit Kuala Lumpur dicantikkan dengan pertunjukan bunga api pyromusikal. Lebih istimewa lagi, paparan 3D anamorfik, dron dan unjuran laser yang membentuk maskot VM2026 iaitu Wira dan Manja menjadi antara visual paling unik dan dirakam pengunjung dari pelbagai sudut.

Sambutan itu juga turut diraikan dengan persembahan artis antaranya Shila Amzah, Aina Abdul, Amir Jahari, Kidd Santhe, Belle Sisoski, Vanessa Reynauld, The Kuans, KLP48, Nazu, Rezza Shah, Danson Ooi, Euzen, dan Penny.

Untuk info, Festival Countdown VM2026 sebenarnya bermula lebih awal iaitu pada 26 Disember 2025, dengan pelbagai aktiviti di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. Antaranya ialah VM2026 Bazaar di Pavilion Bukit Jalil, Arts & Culture Showcase di Fahrenheit 88 serta Food Bazaar di Bukit Bintang yang menampilkan kepelbagaian makanan tempatan.

Selain itu, aktiviti sokongan seperti persembahan DJ, flash mob di persimpangan Bukit Bintang dan persembahan busking di lokasi tumpuan turut menarik perhatian orang ramai dan mencetuskan keterujaan menjelang malam kira detik.

Kempen VM2026 memberi fokus kepada lima teras utama iaitu kelestarian, warisan budaya, pelancongan alam semula jadi, inovasi digital dan keterhubungan global, sebagai usaha memposisikan Malaysia di peta pelancongan dunia.



Alif Muhaimin Puas Dapat ‘Tumbangkan’ Adam Lee Di Gelanggan Fury Redemption

Pertempuran antara pelakon Adam Lee dan Alif Muhaimin di Arena Sukan Kuala Lumpur berakhir pada pusingan kedua apabila Adam itu tidak mampu lagi untuk meneruskan perlawanan.

Menerima tujuh jahitan di bawah kening, Adam tetap berasa puas dan bangga dengan dirinya meskipun tewas di tangan dalam perlawanan Fury Redemption baru-baru ini.

"Selepas tujuh tahun bermain secara amatir dan buat pertama kali secara profesional, sebelum masuk gelanggang saya sudah tanam dalam fikiran, menang atau kalah itu perkara kedua.

"Meskipun tewas, saya yakin sudah buat yang terbaik pada pusingan pertama. Walaupun Alif pecahkan saya di muka, saya juga pecahkan kepala dia," katanya.

Manakala Alif Muhaimin berjaya membuktikan dirinya mampu mengalahkan suami kepada aktres Sweet Qismina sekali gus menutup mulut pihak yang memandang rendah terhadap dirinya.

"Dapat menewaskan Adam adalah satu pencapaian besar buat diri saya. Tetapi secara jujurnya, saya agak terasa hati dengan beberapa rakan termasuk sahabat baik sendiri.

"Mereka tanya betul ke saya boleh lawan Adam. Nada mereka macam tidak percaya dengan kebolehan saya," ujarnya.

Lagu Putus Cinta Tapi Tak Sedih! Ayda Jebat Lancar 'Kentoot' Sebagai Simbol Lepaskan Hubungan Toksik

Penyanyi dan pelakon Ayda Jebat tampil berani dengan pelancaran single terbaharunya berjudul Kentoot, sebuah karya pop enerjik yang menggabungkan elemen humor, keberanian dan mesej pemerkasaan diri.

Lagu tersebut dicipta dan ditulis sendiri oleh Ayda bersama komposer Cuurley di bawah label AJNM Entertainment. Kentoot mengisahkan perjalanan seseorang yang bangkit selepas dikhianati pasangan tidak setia, namun disampaikan dengan pendekatan santai dan bersahaja.

Menariknya, lagu ini menggunakan frasa bahasa Thai yang catchy serta hook unik 'masuk angin keluar asap' untuk memberi identiti tersendiri dan mudah melekat di ingatan pendengar. Berbeza daripada kebanyakan lagu putus cinta yang sarat emosi sedih, Kentoot tampil sebagai lagu move-on yang meraikan kebebasan dan keberanian melepaskan hubungan toksik.

Selain lagu, muzik video Kentoot turut dilancarkan dan dihasilkan sepenuhnya oleh pasukan tempatan termasuk diarahkan oleh Nabil Mahir yang juga bertindak sebagai pencetus konsep dan penerbit eksekutif, manakala Ayda sendiri memikul tanggungjawab sebagai penerbit. Single Kentoot kini boleh didengarkan di semua platform penstriman digital utama, manakala muzik videonya boleh ditonton menerusi saluran rasmi AJNM Entertainment.



Selepas 16 Tahun, Kaka Azraff Akhirnya Muncul Dengan Album Sulung Berjudul MPT

Setelah 16 tahun berada dalam industri, penyanyi, Kaka Azraff akhirnya berjaya mengakhiri penantian peminat dengan membawa buah tangan berbentuk album sulungnya iaitu MPT.

Menurut Kaka, dia berasa bersyukur kerana impiannya untuk memiliki album sendiri telah tercapai. Kesemua lagu di dalam album sulungnya ini membawakan pengalaman hasil kolektif sepanjang tiga tahun Kaka memilih untuk tidak berada di bawah sorotan utama.

Pelbagai pengalaman, perbualan dan perkongsian daripada orang sekeliling menjadi sumber idea utama dalam membentuk arah dan identiti album ini, sekali gus memberi ruang untuk Kaka untuk berkarya. Kesemua elemen tersebut akhirnya menjadi teras bagi bunyi MPT.

MPT yang diambil dari perkataan eMPaTI, membawa maksud kemampuan untuk memahami perasaan atau pengalaman orang lain, seolah-oleh kita berada di posisi mereka.

Album ini menampilkan 6 buah lagu yang masing-masing membawa naratif tersendiri; Berubah, Cabar, Arguments, Bully, Takleh Usik dan Aku.

Dalam proses penghasilan lagu-lagu ini, fokus tidak diberikan kepada pencarian kesempurnaan atau aspek teknikal semata-mata, sebaliknya kepada kejujuran dan keaslian emosi yang ingin disampaikan.

Album ini merupakan hasil kolaborasi terbitan bersama dua penerbit SonaOne dan juga Yonnyboii bagi menghasilkan melodi yang harmoni sesuai dengan naratif album ini.

Secara keseluruhan, MPT menandakan satu langkah ke hadapan, bukan sahaja dari segi muzik, tetapi juga dari sudut kehidupan, sekali gus mencerminkan kematangan dan perkembangan yang berlaku secara tenang dan berperingkat.

Album ini dihasilkan dengan usahasama pelbagai pihak serta sokongan Dana Kandungan Kreatif (DKK) daripada Kementerian Komunikasi melalui MyCreative Ventures serta distribusi Universal Music Malaysia. Album MPT akan dilancarkan pada hujung Januari 2026.





Financial Faiz

@financialfaiz 

Tak Pernah Ada Savings? Ini Cara Paling Mudah Untuk Mula Simpan Duit, Semua Bermula Dengan Bajet

Pendidik kewangan, Faiz Azmi berkongsi cara paling mudah untuk menyimpan duit adalah dengan melakukan bajet.

Jelasnya, meskipun kedengaran membosankan namun bajet adalah kunci utama dalam memastikan kewangan seseorang berada dalam keadaan terkawal.

Faiz menegaskan, setiap individu perlu 'lock in' bajet masing-masing supaya tahu ke mana hala tuju duit yang dibelanjakan setiap bulan.

Berikut merupakan langkah mudah untuk anda melakukan bajet.

1. Tak Jaga Bajet Sendiri, Jangan Harap Jaga Bajet Orang Lain

Jika seseorang gagal mengurus bajet peribadi, mereka tidak seharusnya berharap mampu mengurus kewangan yang lebih besar seperti keluarga, syarikat atau negara.

Jadi setiap individu perlu tahu bajet perbelanjaan sendiri dan mengurusnya dengan baik.

2. Sistem Tiga Akaun: 50-30-20

Bagi memudahkan pengurusan kewangan, Faiz mencadangkan penggunaan sistem tiga akaun, yang tidak semestinya melibatkan tiga bank berbeza.

- 50% Keperluan (Kemestian)
- Bayaran rumah, kereta, makan minum dan bil utiliti.
-
- 30% Kehendak (Keseronokan)
- Hiburan, makan luar dan aktiviti santai.
-
- 20% Simpanan & Dana Kecemasan
- Simpanan untuk masa depan dan situasi tidak dijangka.

3. Boleh Ubah Ikut Komitmen Hidup

Faiz mengakui tidak semua orang mampu mengikut bajet 50-30-20 sepenuhnya, terutamanya mereka yang mempunyai komitmen tinggi.

Sebagai contoh, jika keperluan hidup sudah mencecah 70 peratus, bajet boleh disesuaikan kepada 70-10-20 dengan mengurangkan perbelanjaan kehendak buat sementara waktu.

Namun, beliau menegaskan perubahan itu bukan bersifat kekal.

4. Jangan Tipu Diri Sendiri Tentang Simpanan

Mengakhiri perkongsiannya, Faiz memberi peringatan keras agar orang ramai tidak menipu diri sendiri dalam soal simpanan.

"Kalau tipu diri setahun, benda ni akan ulang sampai tahun ke-2, ke-3. Sampai umur 50 baru tanya kenapa tak ada savings," katanya.

Menurut Faiz, kegagalan mempunyai simpanan pada usia matang bukan salah orang lain, sebaliknya berpunca daripada sikap sendiri yang tidak berdisiplin mengurus wang.






Budget Friendly, Feature Packed Proton Saga


The new Proton Saga offers a fresh take on Malaysia's iconic budget sedan by blending modern tech, improved safety, and a peppier 1.5-litre engine with everyday practicality and an affordable price tag under RM50,000.

Its updated design and features like dual screens, smartphone connectivity and advanced safety systems make it feel more stylish and capable than before, while its smooth ride and efficiency help it stand out in the entry-level segment, making it a strong contender for Malaysians looking for value and comfort in a daily driver.



Why Drivers Use Emergency Lanes Illegally?

The Road Transport Department Road Transport Department said that traffic congestion is the main reason many road users give for illegally using the emergency lane. However, RTD stressed that the lane is meant strictly for emergencies and misuse not only breaks the law but also endangers lives and disrupts emergency services, urging drivers to be more patient and responsible on the road.



Family Pressure Breaks Off Engagement

A Malaysian woman's story of her engagement ending because her future in-laws rejected her after learning she was born out of wedlock went viral online, sparking strong reactions.

She said her fiancé originally accepted her background, but his mother began making hurtful remarks and pressured him to call off the wedding, saying her birth status would tarnish their family's reputation.

Many Malaysians on Reddit sympathised with her, criticised the fiancé for not standing up to his family, and said she 'dodged a bullet', while the incident highlighted ongoing stigma and the pressure of family approval in relationships.

Read more at www.rojakdaily.com.